

# Bermain politik dan perkauman

SERUAN Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada parti-parti komponen Barisan Nasional supaya mengurangkan sentimen perkauman dan bermain politik memanglah kena pada waktunya. Walaupun sama-sama menganggotai Kerajaan dan membentuk serta melaksanakan dasar-dasar yang berjalan sekarang, tetapi jelas isu-isu perkauman mengenal dasar yang telah pun diputuskan dan diterima bersama masih lagi ditimbulkan sekali-sekala dengan berbagai cara. Ia terutamanya meliputi perkara-perkara pelajaran, ekonomi dan kebudayaan, sehinggakan semasa Perdana Menteri membentuk anggota-anggota Kerajaannya baru-baru ini, umpamanya, setengah golongan telah mencanangkan rasa kurang senangnya dengan perlantikan Datuk Haji Suhaimi sebagai Timbalan Menteri Pelajaran kerana beliau dianggap sebagai seorang ekstremis Melayu.

Tetapi permainan politik itu tidak saja berlaku mengikut garis perkauman namun juga antara parti dengan parti dalam komponen Barisan Nasional, malah di dalam parti-parti itu sendiri. Persinggitan masih lagi berterusan antara MCA dan Gerakan dengan masing-masing melemparkan tuduhan yang memburukkan satu sama lain dan tokoh-tokoh berhenti dan kemudian menyeberang ke parti yang lagi satu bersama penyokong-penyokong. Pertentangan mengenai kepimpinan dalam MIC memang telah diketahui amat hingar. Secara yang lebih sederhana dan senyap ia juga sebenarnya sedang berlaku dalam MCA, Gerakan dan juga UMNO. Dengan pilihan-raya yang semakin hampir, kemungkinan pergolakan ini semakin membesar bukanlah mustahil.

Dengan bentuk yang berlainan permainan politik juga sebenarnya berlaku di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan dengan tujuan mencapai kedudukan yang lebih tinggi atau pun mempertahankan kedudukan yang ada. Berlainan dengan ahli-ahli politik, mereka melancarkan gerakan secara halus dan senyap. Setengahnya merapati tokoh-tokoh politik tertentu, sementara yang lain mencari-cari atau mengada-adakan kelemahan saingan serta cuba mendedahkannya. Semuanya ini menjadikan mereka lebih banyak menggunakan fikiran, masa dan tenaga untuk tujuan-tujuan peribadi ini daripada melaksanakan tanggungjawab pembangunan yang sebenar yang dipikulkan ke atas mereka. Ia kerap menyumbang kepada kejadian memberi taklimat yang diperindah untuk menutup kelemahan.

Perdana Menteri berkata kerjasama dan bukannya perselisihan antara parti-parti Barisan Nasional adalah penting kerana kerjasama itulah yang menjadikannya unik dan berjaya. Sebaliknya perselisihan yang timbul serta sentimen perkauman yang ditiupkan oleh tokoh-tokoh politik terlibat akan lebih memarakkan lagi permusuhan antara rakyat, memecahkan mereka ke dalam puak-puak, dan menggoyang asas perpaduan yang telah wujud. Permainan politik di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan pula akan melemahkan semangat bekerja pegawai dan kakitangan bawahan serta menjejaskan kecekapan pentadbiran. Ia akan terus-menerus membatalkan usaha Kerajaan mewujudkan pentadbiran yang cekap dan bersih. Mangsa terakhir segalanya ini ialah cita-cita pembangunan rakyat dan negara. Kerana itulah seruan Perdana Menteri itu amat bertepatan dengan waktunya.